

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Penjagaan ke atas Orang Dan Harta**

Seksyen 106. Kuasa Mahkamah membatalkan dan manahan perpindahan yang dimaksudkan untuk mengecewakan tuntutan nafkah.

(1) Jika-

(a) sesuatu prosiding ehwal suami isteri belum selesai di Mahkamah;

(b) suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 58, 60 atau 74 dan belum lagi dibatalkan; atau

(c) nafkah kena dibayar di bawah mana-mana perjanjian kepada atau untuk faedah seorang isteri atau bekas isteri atau anak,

Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan-

(aa) jika Mahkamah berpuas hati bahawa apa-apa perpindahan harta telah dilakukan oleh suami atau bekas suami atau isteri atau bekas isteri atau ibu atau bapa bagi orang yang telah membuat atau yang bagi pihaknya telah dibuat permohonan itu, dalam masa tiga tahun sebelumnya, dengan tujuan pada pihak orang yang melakukan perpindahan itu hendak mengurangkan kemampuannya membayar nafkah atau kemampuan suami itu membayar *mut'ah* atau hendak menghalangi isterinya atau suaminya daripada apa-apa hak berhubung dengan harta itu, tertakluk kepada subseksyen (2), menghendaki orang yang membuat perpindahan itu membatalkan perpindahan itu; dan

(bb) jika Mahkamah berpuas hati bahawa sesuatu perpindahan harta dicadang hendak dilakukan dengan mana-mana tujuan yang sedemikian, memberi suatu injunksi menegah perpindahan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini-

"harta" ertinya apa-apa jenis harta, alih atau tak alih, dan termasuklah wang;

"perpindahan" termasuklah sesuatu penjualan, pemberian, pajakan, gadai janji, atau apa-apa transaksi lain yang dengannya pemunyaan atau pemilikan harta itu dipindahmilikkan atau dibebankan tetapi tidak termasuk sesuatu perpindahan yang dilakukan kerana wang atau sesuatu bernilai wang kepada atau untuk faedah seseorang yang bertindak dengan suci hati dan dengan tidak mengetahui tujuan perpindahan itu dilakukan.

(3) Kegagalan mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap Mahkamah.
